



BUDGET
2026

Menjamin fasa
pertumbuhan
Singapura yang seterusnya dan
pekerjaan
yang baik





Yang paling utama, strategi kami adalah untuk memberikan keyakinan kepada para pekerja agar dapat menyesuaikan diri, keupayaan kepada perniagaan agar dapat bersaing, dan setiap rakyat Singapura ada bahagian mereka dalam kemajuan kita dan memiliki kepentingan dalam masa hadapan kita.

— Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Gan Kim Yong



[Sokongan untuk perniagaan](#)
Halaman 3-5



[Menjadikan Singapura peneraju AI](#)
Halaman 10-11



[Memperluas kepimpinan dalam sektor-sektor utama dan meneroka bidang-bidang baharu](#)
Halaman 6-7



[Mengukuhkan status sebagai sebuah hab dan menyokong penyejagatan](#)
Halaman 12-13



[Mengukuhkan ekosistem perusahaan](#)
Halaman 8-9



[Sumber-sumber berguna](#)
Halaman 14

SOKONGAN UNTUK PERNIAGAAN

Mengapakah ia penting?

Di tengah-tengah ketidaktentuan geopolitik, gangguan teknologi dan kekangan sumber yang semakin ketat, Pemerintah akan membantu perniagaan-perniagaan menangani cabaran jangka pendek dan mempersiapkan mereka untuk pertumbuhan jangka panjang.



Menangani kos perniagaan

- **Rebat Cukai Pendapatan Korporat** 50% bagi Tahun Taksiran 2026
 - ◆ Dihadkan pada \$40,000 untuk setiap syarikat
 - ◆ Faedah minimum sebanyak \$2,000 untuk syarikat-syarikat aktif yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja tempatan pada 2025
 - ◆ Maklumat ini dikemas kini pada 7 April sebagai respons kepada kesan situasi di Timur Tengah yang berubah-ubah



Menyokong dan memacu pertumbuhan

- Mulai separuh kedua 2026, geran **EDGE** akan menggabungkan tiga geran sedia ada – **Geran Bantuan Kesediaan Pasaran (MRA)**, **Geran Meningkatkan Daya Penghasilan (PSG)**, dan **Geran Pembangunan Perusahaan (EDG)** – menjadi satu skim tunggal yang memberikan sokongan hingga \$100,000 setiap tahun kepada perniagaan-perniagaan Singapura bagi aktiviti yang layak
- **Skim Pembiayaan Perusahaan-Pinjaman Perdagangan (EFS-TL)** dan **Skim Pembiayaan Perusahaan-Pinjaman Aset Tetap SME (EFS-FA)** yang dipertingkatkan bagi memudahkan akses kepada kemudahan perdagangan jangka pendek dan pembiayaan untuk pelaburan dalam aset tetap di dalam dan di luar negara
- Tahap sokongan bagi **Program Perdagangan Visual yang Dipertingkatkan (EVM)** dan **Geran Pewujudan Tempat Perusahaan di Kawasan Perumahan Awam (HEPG)** akan meningkat kepada 70% daripada 50% bagi membantu kedai-kedai di estet perumahan memperbaharui kedai mereka dan menjalankan aktiviti-aktiviti pewujudan tempat



Menyokong usaha mengembangkan perniagaan ke luar negara

- Tahap sokongan yang dipertingkatkan untuk syarikat-syarikat yang berkembang ke luar negara – hingga 70% daripada kos yang memenuhi kelayakan untuk syarikat kecil dan sederhana (SME) dan hingga 50% bagi bukan SME – di bawah **geran MRA**, **Geran Penyesuaian Perniagaan (BizAdapt)**, dan skim-skim **Perikatan Inovasi Sejagat (GIA)**
- **MRA** yang diperluas bagi merangkumi syarikat-syarikat yang ingin memperkukuh kehadiran mereka di pasaran luar negara sedia ada, selain daripada memasuki pasaran baharu
 - ◆ Peningkatan sedemikian akan dilaksanakan apabila MRA diselaraskan di bawah geran **EDGE** mulai separuh kedua 2026
- Had perbelanjaan dinaikkan kepada \$400,000 daripada \$150,000 bagi tuntutan automatik di bawah **Skim Potongan Cukai Berganda bagi Penyejagatan (DTDi)** mulai Tahun Taksiran 2027, bagi membantu firma-firma Singapura berkembang ke luar negara dengan lebih mudah dan pantas





Mempertingkatkan daya penghasilan dan kecekapan

- Geran tunai – hingga \$1,000 bagi SME dan hingga \$5,000 untuk perniagaan lebih besar – bagi memudahkan peralihan dan menggalakkan penggunaan awal **InvoiceNow**, rangkaian e-invois Singapura
 - ◆ Semua perniagaan yang berdaftar Cukai Barangan dan Perkhidmatan dikehendaki menghantar invoice digital kepada Penguasa Hasil Mahsul Singapura menggunakan InvoiceNow menjelang April 2031
 - ◆ SME boleh menggunakan huraian perisian InvoiceNow-Ready terpilih secara percuma
- **Geran Kecekapan Tenaga (EEG)** Tingkat Asas akan diperluas kepada semua sektor dan dilanjutkan hingga Mac 2028 untuk syarikat-syarikat yang melabur dalam peralatan cekap tenaga
 - ◆ Maklumat ini dikemas kini pada 7 April sebagai respons kepada kesan situasi di Timur Tengah yang berubah-ubah



Memperbaiki akses kepada proses pemerolehan pemerintah

- **Tender Lite** diperluas kepada kontrak Teknologi Komunikasi dan Maklumat mulai April 2026
 - ◆ Tender Lite ialah pilihan tender pemerintah yang dipermudah bagi pemerolehan bernilai hingga \$1 juta



Meningkatkan tenaga kerja

- Sokongan bagi inisiatif-inisiatif peningkatan kemahiran AI dipertingkatkan dengan meluaskan skim **Pemacu Kemahiran Teknologi (TeSA)** kepada pekerja bukan teknologi, dan menyediakan akses percuma selama enam bulan kepada alat-alat AI premium kepada rakyat Singapura yang mengikuti kursus-kursus AI terpilih
- Sokongan yang diperkukuh untuk pekerja pertengahan kerjaya dengan penambahan kursus berkaitan industri di bawah **Program Peningkatan SkillsFuture (SFLP)**, dan melanjutkan **Kredit Pekerjaan Warga Emas (SEC)** hingga 2027 untuk pekerja lanjut usia
- **Skim Kredit Gaji Progresif (PWCS)** dilanjutkan hingga 2028 bagi membantu pekerja bergaji rendah
 - ◆ Sokongan pembiayaan bersama Pemerintah bagi kenaikan gaji pada 2026 dinaikkan sehingga 30% daripada 20%
 - ◆ Mulai 2027, jumlah kenaikan gaji kelayakan minimum akan dinaikkan kepada \$200 daripada \$100



DALAM BENTUK ANGKA



50%

Rebat Cukai Pendapatan Korporat bagi Tahun Taksiran 2026, dihadkan pada \$40,000

30%

Pembiayaan bersama pemerintah bagi kenaikan gaji pekerja bergaji rendah pada 2026 di bawah Skim Kredit Gaji Progresif (PWCS)



\$400,000

Had perbelanjaan untuk tuntutan automatik di bawah skim Potongan Cukai Berganda bagi Penyejagatan (DTDi) mulai Tahun Taksiran 2027

“

Ketua kumpulan DBS bagi perbankan korporat dan SME, Encik Chen Ze Ling:

Belanjawan ini mengiktiraf bahawa cabaran utama yang dihadapi perniagaan hari ini bersifat struktur, bukan kitaran. Kita beroperasi dalam persekitaran global yang dibentuk oleh pemecahan pasaran dan gangguan teknologi yang semakin meningkat.¹

“

Pengurus negara Deloitte Singapura, Encik Shariq Barmaky:

Sokongan Pemerintah dalam membangunkan keupayaan AI yang praktikal merentasi sektor perkhidmatan profesional merupakan langkah strategik yang akan memperkukuh lagi kedudukan Singapura sebagai hab global terunggul bagi perkhidmatan profesional. Langkah ini akan membolehkan kita terus memupuk ekosistem inovasi dan pembangunan bakat yang dinamik, sekali gus meletakkan Singapura dalam kedudukan untuk berkhidmat kepada Asia dan dunia.²

SUMBER: ¹ *Budget 2026 repositions SMEs for long-term tough environment: DBS, The Business Times*

² *Deloitte Singapore's response to the Singapore Budget 2026: "Securing Our Future Together in a Changed World"*

MENGUKUHKAN KEDUDUKAN SEBAGAI PENARAJU SEKTOR-SEKTOR UTAMA DAN MENEROKA BIDANG-BIDANG BARU

Mengapakah ia penting?

Kami akan bekerjasama dengan perniagaan-perniagaan dan memanfaatkan sains dan teknologi untuk terus mendahului dalam sektor-sektor utama seperti semikonduktor, dan berkembang ke bidang-bidang baharu seperti teknologi kuantum, penyahkarbonan dan angkasa lepas bagi memacu fasa pertumbuhan seterusnya dan mencipta pekerjaan bermutu.



Mengukuhkan kedudukan utama dalam perkilangan termaju

- \$800 juta akan dilaburkan dalam **Program Perdana Penyelidikan, Inovasi dan Perusahaan (RIE) bagi Semikonduktor** untuk menterjemahkan hasil penyelidikan kepada produk bernilai tinggi dan meningkatkan aktiviti-aktiviti pembuatan dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) termaju
 - ◆ Ia akan memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang mempunyai kesan yang tinggi seperti Pembungkusan Termaju dan Fotonik Termaju (penggunaan zarah berasaskan cahaya untuk memproses dan menghantar data)
- Sebanyak \$60 juta akan dilaburkan dalam **Pusat Terjemahan dan Inovasi Semikonduktor Nasional (NSTIC) bagi Elektronik Kuasa** untuk mengukuhkan daya saing Singapura dalam elektronik kuasa generasi seterusnya (semikonduktor canggih yang mampu mengendalikan voltan lebih tinggi dan daya tahan haba yang menyalurkan kuasa kepada sektor-sektor seperti pusat data dan kenderaan elektrik)



Menyokong inovasi perniagaan

- Lebih daripada \$3 bilion akan dilaburkan dalam **Skim Penyelidikan dan Inovasi untuk Syarikat**, atau **RIS(C)**, di bawah RIE2030 agar terus menarik pelaburan swasta dalam penyelidikan dan inovasi, membina keupayaan, dan mencipta pekerjaan bernilai tinggi untuk warga tempatan




Membangun sebagai hab perkhidmatan berasaskan kepercayaan

- Membangunkan Singapura sebagai hab perkhidmatan berasaskan kepercayaan, mencipta peluang-peluang dalam bidang-bidang termasuk nasihat pengurusan risiko, keselamatan siber, jaminan Kecerdasan Buatan (AI), serta ujian, pemeriksaan dan pensijilan




Berkembang ke bidang-bidang pertumbuhan baharu

- Sebanyak \$800 juta akan disediakan bagi **Cabaran Utama Penyahkarbonan** untuk mempercepat pembangunan teknologi penyahkarbonan perindustrian dan penjanaan tenaga rendah karbon, membantu sektor industri dan kuasa mencapai sasaran pengurangan pelepasan karbon menjelang 2035 dan aspirasi sifar bersih 2050
 - ◆ Program **Singapura Merintis Penyahkarbonan Tenaga dan Perusahaan (SPEED)** dilancarkan untuk menyokong R&D tempatan dan pengujian dalam persekitaran sebenar, serta menarik pelaburan swasta bagi memperluas teknologi di tahap awal yang berpotensi tinggi
- Merebut peluang dalam ekonomi angkasa lepas global melalui **Agensi Angkasa Nasional Singapura (NSAS)** yang baharu, yang akan menggandakan tenaga kerjanya daripada 30 orang dalam tempoh tiga tahun akan datang



DALAM BENTUK ANGKA



\$3 billion

Pendanaan Pemerintah diperuntukkan bagi Program Perdana RIE (untuk sektor-sektor ekonomi utama) dan Cabaran Utama RIE (untuk keutamaan strategik negara) dalam tempoh lima tahun akan datang¹

\$14 billion

Pelaburan penyelidikan dan inovasi dijalankan oleh syarikat-syarikat dalam tempoh lima tahun lalu

18.5%

Sumbangan sektor perkilangan kepada Hasil Dalam Negeri Kasar (GDP) nominal Singapura pada 2025²



SUMBER: ¹ [Singapore invests S\\$37 billion in RIE2030 research plan: semiconductors, ageing among focus areas. Singapore Economic Development Board](#)

² [Singapore Economy. Department of Statistics Singapore](#)

“

Naib presiden perusahaan global Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB), Encik Soo Haw Yun:

Singapura terus membina ekosistem inovasinya supaya kami dapat menyokong syarikat-syarikat seperti Ambiq, yang berusaha untuk memajukan penemuan teknologi dan mencipta nilai baharu.¹

“

Rakan kongsi Penasihat Insentif Perniagaan EY, Cik Tracy Tham:

Cadangan Singapura untuk melaburkan \$37 bilion di bawah pelan Penyelidikan, Inovasi dan Perusahaan 2030 selama lima tahun merupakan komitmen penting terhadap penyelidikan dan inovasi. Pelaburan ini adalah yang tertinggi setakat ini dan memberikan isyarat jelas mengenai hasrat Singapura untuk membangun, menguji dan mengkomersialkan teknologi-teknologi terancang.²

SUMBER: ¹ [Semiconductor firm Ambiq to expand R&D in Singapore, eyes 30 specialised tech hires. The Business Times](#)

² [EY reactions to Singapore Budget 2026](#)

MENGUKUHKAN EKOSISTEM PERUSAHAAN

Mengapakah ia penting?

Ekosistem perusahaan yang dinamik dan rancak akan mengukuhkan kedudukan Singapura sebagai pangkalan global yang dipercayai dan saling terhubung untuk perniagaan antarabangsa, dan memastikan ekonomi kita kekal berada di barisan hadapan inovasi dan pertumbuhan.



Membangunkan syarikat-syarikat global baharu

- Bahagian kedua **Dana Anchor** bernilai \$1.5 bilion bertujuan menarik dan menambat penyertaan bermutu tinggi di Singapura
- Peluasan kekal bagi **Skim Pembiayaan Perusahaan – Pinjaman Penggabungan dan Pemerolehan (EFS-M&A)** bagi menyokong perusahaan-perusahaan Singapura dalam menjamin pembiayaan bagi kedua-dua aktiviti M&A di dalam dan luar negara



Memupuk komuniti pemula yang rancak

- Tokokan \$1 bilion ke dalam **skim Ekuiti SG Syarikat Pemula (SSGE)** akan diteruskan bagi syarikat pemula teknologi mendalam (*deep tech*) pada peringkat awal dan diperluas kepada syarikat pemula teknologi mendalam yang berada pada tahap pertumbuhan
- **LaunchPad @ One-North** yang diperbaharu dengan ruang acara, kemudahan sukan dan ruang rangkaian untuk kolaborasi dan pembangunan komuniti
- Penubuhan **LaunchPad @ Daerah Digital Punggol (PDD)** akan menambah tawaran JTC bagi ruang syarikat pemula di merata negara
 - ◆ Terbina di dalam komuniti, LaunchPad @ PDD akan membolehkan syarikat pemula memanfaatkan keseluruhan daerah sebagai tapak ujian inovasi dalam huraian bandar pintar, firma teknologi kewangan (*fintech*), robotik dan keselamatan siber



DALAM BENTUK ANGKA



\$1.5 bilion

Jumlah diperuntukkan di bawah bahagian kedua Dana Anchor, yang bermatlamat menarik dan menambat penyenaiaan bermutu tinggi di Singapura

\$14.2 bilion

Jumlah pelaburan aset tetap yang Singapura berjaya tarik pada 2025¹

44.9%

Pertumbuhan ekosistem syarikat pemula Singapura dari April 2024 hingga April 2025²

SUMBER: ¹ [Singapore Economic Development Board Year 2025 in Review](#)

² [Startup Blink's Global Startup Ecosystem Index 2025](#)



“

Ketua IPO Singapura dan ASEAN EY, Encik Chan Yew Kiang:

Suntikan dana ke dalam Dana Anchor juga berkemungkinan akan memperbaiki daya saing Singapura untuk menarik syarikat-syarikat yang pesat berkembang menempatkan ibu pejabat mereka di sini. Namun, pasaran ini kekal dinamik, dan kepantasan untuk berkembang dan kebolehan meraih keuntungan adalah kritikal untuk terus bertahan.

“

Rakan kongsi Cukai Korporat di PwC Singapura, Cik Kexin Lim:


Memperluas sokongan melangkaui usaha niaga peringkat awal yang merangkumi syarikat pada peringkat pertumbuhan, selaras dengan skim-skim sedia ada di Singapura bagi menarik usahawan bermutu tinggi mengukuhkan saluran pembangunan syarikat-syarikat pemula dan memperkukuh kedudukan Singapura sebagai hab utama bagi modal pengembangan.

SUMBER: [Budget 2026: Quick takes on EQDP top-up, support for startups, The Business Times](#)

MENJADIKAN SINGAPURA SEBAGAI PENERAJU AI

Mengapakah ia penting?

Kecerdasan buatan (AI) merupakan pemangkin kritikal bagi perusahaan untuk meningkatkan daya penghasilan, mempertingkatkan keupayaan dan meningkatkan skala inovasi dengan lebih pantas. Singapura perlu menjadi tempat pilihan, di mana huraian AI dibangunkan, diuji dan diperluas.



Menubuhkan kepimpinan AI

- Melancarkan **Misi Kecerdasan Buatan (AI)** nasional untuk memacu transformasi AI dalam empat sektor utama: perkilangan termaju, kesalinghubungan, kewangan dan penjagaan kesihatan
- **Misi AI Perkilangan Termaju** akan berlandaskan tiga teras:
 - ◆ Memanfaatkan AI dan robotik untuk menjadikan perkilangan termaju kami lebih tangkas, berdaya tahan dan cekap
 - ◆ Menggunakan AI untuk mencipta huraian-huraian yang pertama di dunia dengan menambah baik reka bentuk produk dan mempercepatkan kitaran pembangunan
 - ◆ Memacu transformasi sektor yang menyeluruh dengan membantu syarikat-syarikat menggunakan AI dalam operasi utama dan melaksanakan huraian dalam seluruh ekosistem
- **Misi AI Perkilangan Termaju** akan disokong oleh dua pemangkin utama:
 - ◆ **Pusat Kecemerlangan AI Mengikut Sektor dalam Perkilangan (AIMfg) A*STAR** bagi menyokong firma membangun dan mengamalkan huraian berdaya AI
 - ◆ Pelaburan dalam **R&D untuk AI yang Digunakan (Embodied AI)**, yang menggabungkan AI dalam sistem-sistem fizikal, seperti robot dan dron
- Melancarkan **Kampung AI**, Hab dan Kediaman AI Singapura, yang bakal menjadi komuniti syarikat pemula bersepadu pertama di Singapura yang menyediakan kedua-dua ruang kerja dan kediaman



Memperkasa transformasi AI

- Melancarkan program **Peneraju Kecerdasan Buatan (AI)** untuk memangkin transformasi AI bagi perusahaan secara meluas dalam kalangan syarikat-syarikat terkemuka berpangkalan di Singapura yang komited untuk mengamalkan AI sebagai pemacu utama produktiviti, inovasi dan pertumbuhan pendapatan
- **Skim Inovasi Perusahaan (EIS)** diperluas untuk menawarkan potongan cukai hingga 400% atau perbelanjaan AI yang layak hingga \$50,000 setiap tahun, untuk Tahun Taksiran 2027 dan 2028
- **Geran Meningkatkan Daya Penghasilan (PSG)** diperluas untuk merangkumi lebih banyak penyelesaian yang didayakan AI



DALAM BENTUK ANGKA

28

Bilangan syarikat yang telah membangun bersama dan mengamalkan huraian berdaya AI dengan Pusat Kecemerlangan AI Mengikuti Sektor dalam Perkilangan (AIMfg) A*STAR



14,500

 meter persegi

Keluasan unit taman perniagaan di Kampong AI, yang boleh menampung hingga 70 syarikat dan ruang acara

\$50,000

Jumlah perbelanjaan AI maksimum yang layak untuk dituntut setiap tahun di bawah Skim Inovasi Perusahaan (EIS), untuk Tahun Taksiran 2027 dan 2028



“

Pengasas bersama Carousell dan timbalan pengerusi bagi Masyarakat Bertindak bagi Keusahawanan, Encik Marcus Tan

Sedang kami terus melabur dalam AI untuk menjadikan dunia lebih berteraskan ekonomi kitaran, visi JTC untuk Kampong AI selari dengan tumpuan kami dalam membangunkan keupayaan AI bertaraf dunia di Singapura. Kami menantikan peluang untuk bertukar-tukar pandangan dengan para pemimpin global AI dan generasi syarikat-syarikat pemula yang akan datang dalam komuniti yang dinamik ini.¹

“

Pakar ekonomi kanan Bank DBS, Encik Chua Han Teng:

Penggunaan AI secara berkesan dalam ekonomi secara menyeluruh akan meningkatkan daya penghasilan, yang merupakan pemacu penting daya saing dan pertumbuhan dalam tempoh sedekad yang akan datang, sedang ekonomi matang Singapura berdepan dengan kekangan tanah dan tenaga kerja yang semakin meruncing.²

SUMBER: ¹ [JTC unveils refreshed masterplan for LaunchPad, including Kampong AI in LaunchPad @ One-North, Singapore's Hub and Home for AI](#)

² [AI emerges as cornerstone of Singapore's new economic playbook, The Business Times](#)

MENGUKUHKAN STATUS SEBAGAI HAB & MENYOKONG PENYEJAGATAN

Mengapakah ia penting?

Dengan pasaran dalam negara yang kecil, Singapura perlu kekal relevan dan menarik di mata pelancong dan pelabur. Di tengah-tengah keadaan rantaian bekalan global yang disusun semula, membantu perusahaan-perusahaan kita merebut peluang di luar negara juga sama pentingnya.



Mengukuh tarikan pelancongan

- Menaik taraf prasarana Sentosa di bawah fasa pertama **Pelan Induk Sentosa Raya**
 - ◆ Hab pengangkutan baharu akan menghubungkan Sentosa dan Pulau Brani untuk membentuk **Sentosa Raya**, dengan menawarkan kemudahan gaya hidup dan hospitaliti
- Menyegarkan semula Orchard Road bagi mengekalkan daya tarikan kepada pelawat, termasuk mengubah **37 Emerald Hill** menjadi sebuah pembangunan guna campur yang memaparkan konsep hotel yang unik, tawaran gaya hidup, dan ruang masyarakat dan awam yang memberi penghormatan kepada warisan kaya tapak tersebut



Membuka peluang di JS-SEZ


- Membangunkan **Woodlands Gateway**, sebuah kawasan guna campur seluas hampir 35 hektar, yang akan menjadi laluan utara ke Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). Kawasan itu akan merangkumi:
 - ◆ Sebuah hab pengangkutan yang dihubungkan ke Sistem Transit Gerak Cepat Johor Bahru-Singapura (RTS Link) dan stesen MRT Woodlands North
 - ◆ Kawasan perindustrian fleksibel untuk firma-firma serantau yang mempunyai ibu pejabat di Singapura dengan operasi perkilangan di Johor
 - ◆ Kemudahan komersial dan gaya hidup yang memenuhi keperluan penduduk dan pekerja yang tinggal dan bekerja berdekatan

Fasa pertama projek ini dijangka siap sekitar 2030.



Meluaskan kerjasama global

- Memperkukuh hubungan ekonomi bersama rakan kongsi seperti Amerika Syarikat, China, India dan ASEAN
- Membuka peluang-peluang dalam pasaran baharu, seperti Amerika Latin, Asia Selatan, Timur Tengah dan Afrika
- Melancarkan **Kerjasama Pelaburan dan Perdagangan Masa Hadapan (FIT)** dengan negara-negara kecil, sederhana dan yang bergantung kepada perdagangan lain bagi menangani cabaran dan mengenal pasti peluang pelaburan.



DALAM BENTUK ANGKA



\$23.9 billion

Resit pelancongan Singapura dalam tiga suku pertama 2025, jumlah tertinggi pernah dicatat dalam tempoh ini¹

82%

Daripada 730 syarikat yang ditinjau dalam Tinjauan Pemeriksaan Nadi Perniagaan DBS, mempunyai rancangan penyejagatan pada 2026 bagi mencapai pangkalan pelanggan baharu dan membina kehadiran jenama yang kukuh di luar negara²



SUMBER: ¹ [Singapore Tourism Board](#)

² [DBS Business Pulse Check Survey 2026](#)

“

Ketua perniagaan swasta dan keusahawanan PwC Singapura, Encik David Toh:

Geran yang dipertingkatkan mengurangkan halangan pelaksanaan dan kewangan, menggalakkan komitmen kepada pasaran luar negara untuk jangka masa yang lebih panjang, dan mengiktiraf realiti yang dihadapi SME apabila bersaing di peringkat antarabangsa. Dengan berbuat demikian, mereka meletakkan pertumbuhan antarabangsa sebagai langkah seterusnya yang boleh dilaksanakan oleh lebih banyak perusahaan Singapura.

SUMBER: [Budget 2026: Tax rebate and enhanced grants for firms to deal with competition, costs. The Straits Times](#)

SUMBER-SUMBER BERGUNA

Layari laman web di bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut, atau hubungi MTI di mti_email@mti.gov.sg

GoBusiness

Kunjungi portal GoBusiness di gobusiness.gov.sg bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang sokongan perusahaan sedia ada.

Gunakan e-Penasihat Bantuan Pemerintah untuk mengetahui kelayakan anda untuk skim-skim dengan menjawab beberapa soalan mudah.

Pusat SME

Penasihat Perniagaan Berpengalaman akan menyokong anda dalam mengembangkan perniagaan anda, melalui sesi-sesi nasihat perniagaan secara bersemuka, bengkel pembangunan keupayaan, dan projek naik taraf secara kumpulan.

Tempah sesi perundingan percuma di Pusat SME pilihan anda di laman web enterprisesg.gov.sg/about-us/contact-us/sme-centres.

Inisiatif Pro-Perusahaan Kementerian Kewangan (MOF)

Ketahui bagaimana proses pemerolehan pemerintah lebih mudah diakses – daripada pemerolehan hingga pengeluaran invoice – dan sokongan peralihan yang disediakan bagi membantu perniagaan menggunakan InvoiceNow.

Ketahui lebih lanjut tentang Inisiatif-inisiatif Pro-Perusahaan MOF di go.gov.sg/mof-cos-2026.

MTI MINISTRY OF TRADE
AND INDUSTRY
SINGAPORE

